

TARIKH: 20/9/23
SURAT KHABAR: Sinar Harian.
MUKA SURAT: 20.

IPEF 2023 wadah terbaik garap strategi harungi dunia pekerjaan

KUALA LUMPUR - Forum Pekerjaan Awam Antarabangsa (IPEF 2023) bakal menjadi wadah terbaik untuk menggarap strategi mengharungi dinamika dunia kerjaan.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar berkata, forum selama tiga hari bermula 11 Oktober ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) menampilkan lebih 28 pakar dalam bidang masing-masing.

"Forum ini juga berperanan sebagai saluran perkongsian pelbagai matlamat pasaran buruh yang akhirnya memberi laba kepada golongan masyarakat," katanya menerusi kenyataan pada Selasa.

Tambah beliau, intipati perkongsian oleh ahli panel dari dalam dan luar negara akan meliputi aspek pemerkasaan tenaga buruh, Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta sosial dan urus tadbir pekerjaan.

"Maklumat sebegini mampu menyuntik perubahan positif terhadap rangkaian aspek pengurusan sumber manusia, sekali gus melonjakkan tahap produktiviti pekerja dan unjuran



SIVAKUMAR

prestasi syarikat serta menjadikan tenaga buruh yang wujudkan tenaga buruh yang utuh," katanya.

Menurutnya, anjakan perubahan itu amat bertepatan pada masanya dengan mengambil kira kesan kejutan ketara berikutnya pandemik Covid-19 yang menyaksikan amalan pengurusan sumber manusia terdahulu bertukar jumud.

"Demni memastikan dasar setiap masa mencakupi pengurusan sumber manusia, faktor penawaran dan permintaan pasaran buruh serta corak pengoperasian pekerjaan relevan, pelbagai entiti syarikat gergasi di pentas global merencana hal tuju baharu," katanya.

Sehubungan itu, Sivakumar berkata, perincian amalan terbaik diterapkan Bank Dunia, Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA), selain pakar dari Norway, Belgium dan Jerman akan menjadi panduan terbaik merungkai kejutan pasaran buruh.

"Daripada kaca mata pekerja dan yang masih mencari kerjaya bersesuaian terutama dalam kalangan graduan, pengajuran IPEF 2023 berteraskan komitmen Pertubuhan Keseleamtan Sosial

(PERKESO) iaitu antara agensi seliaan Kementerian Sumber Manusia (KSM) ini bakal memberi sudut pandang baharu mengenai corak permintaan pasaran buruh," katanya.

Ujar beliau, keperihatinan berhubung perkara itu penting bagi memastikan isu berkaitan ketidakpadanan kerja yang masih giat ditangani di Malaysia berupaya mereda dan akhirnya memacu taraf sosioekonomi masyarakat secara keseluruhannya.

IPEF 2023 akan dihadiri oleh Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli; Penasihat Pengyelidikan Institut Penyelidikan Khazanah, Dr Jomo Kwame Sundaram dan legenda boling negara, Datuk Shalil Zulkifli.

Pakar pengurusan daripada AirAsia, Shell, Pos Malaysia dan LinkedIn juga akan memberikan input mereka berkaitan pasaran buruh yang transformatif.

Yuran penyertaan IPEF 2023 dalam

kalangan sektor swasta boleh ditutup



Register at:

ipef2023.perkeso.gov.my

11 - 13 OCTOBER 2023

KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE (KLCC)

IPEF
2023

INTERNATIONAL PUBLIC EMPLOYMENT FORUM



Malaysia's International Public Employment Forum

IPEF



2023

Register at:

ipef2023.perkeso.gov.my

IPEF 2023 akan berlangsung selama tiga hari bermula

11 Oktober ini di KLCC.

semula daripada Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) menerusi Skin Bantuan Latihan (SBL). Pendaftaran boleh dibuat menerusi pautan ipef2023.perkeso.gov.my.